



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

GABUNGAN PEMIKIR GLOBAL : PERSIDANGAN GLOBAL I-NATION 2024 MENERAJU PERJALANAN INOVASI DAN KELESTARIAN

*Pakar dan Inovator Dunia Bersatu di Kuala Lumpur untuk Mencipta Penyelesaian
bagi Manusia dan Planet*

KUALA LUMPUR, 2 Disember 2024 – Sidang Kemuncak Global I-Nation 2024 yang dinanti-nantikan telah bermula hari ini dan akan berlangsung sehingga 4 Disember. Acara ini menyatukan inovator global dan tempatan, pemimpin, pakar dalam pelbagai bidang, serta penggubal dasar untuk menangani cabaran kritikal melalui inovasi yang kolaboratif.

Dianjurkan oleh Malaysian Research Accelerator for Technology and Innovation (MRANTI), acara selama tiga hari ini bertemakan “*Advancing Impactful Innovation Together*” dan bertujuan menonjolkan perkembangan terkini merentasi pelbagai industri, sambil memupuk kerjasama bermakna untuk memacu kemajuan lestari. Sidang kemuncak ini beraspirasi untuk:

- Memudahkan perbincangan antara pemimpin global mengenai dasar-dasar penting
- Memperluaskan kerjasama merentasi sempadan dalam teknologi dan inovasi
- Mempercepatkan inovasi demi kesejahteraan manusia dan planet

Dengan komitmen teguh untuk meningkatkan peranan Malaysia dalam landskap teknologi global, I-Nation Global Summit 2024 memanfaatkan kerjasama global dan tempatan untuk mewujudkan laluan bagi inovator Malaysia berhubung dengan ekosistem antarabangsa. Sidang ini akan mempamerkan perkembangan terkini dan perbincangan dalam enam industri utama yang kritikal kepada visi Malaysia untuk kemajuan yang lestari dan inklusif: **Teknologi 4IR, Teknologi Autonomi, Ketersambungan 5G, Sains Hayat, Teknologi Kesihatan & AgriTech, serta Kelestarian.**

Timbalan Perdana Menteri Dato' Sri Haji Fadillah Yusof berkata: “Acara ini juga merupakan bukti aspirasi Malaysia untuk meningkatkan pengaruhnya dalam ASEAN dan di peringkat global, selaras dengan kerangka antarabangsa seperti Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) PBB dan agenda ASEAN untuk 2025,” ketika menyampaikan ucapan perasmian pada hari ini.

Tiga Hari Yang Penuh Inovasi, Wawasan, dan Impak: Gambaran Menyeluruh I-Nation Global Summit 2024

Sidang hari pertama ini dimulakan dengan ucap tama oleh Prof. Dr. Jomo Kwame Sundaram bertajuk “*Addressing Food Agriculture, Malnutrition and Health Together: An ‘All of Government’ Proposal*”, diikuti oleh perbincangan meja bulat *Force For Good* bertemakan “From Lab to Land: Accelerating Technology and Innovation Adoption for a Resilient Malaysian Food Security”.

Hari kedua akan memberi tumpuan kepada kuasa teknologi transformatif merentasi pelbagai sektor. Sorotan termasuk panel perbincangan tentang bagaimana industri penerbangan Malaysia memanfaatkan teknologi untuk kekal kompetitif di peringkat global, peranan AI dalam mempercepatkan pembangunan ubat-ubatan dalam bidang Sains Hayat, dan bagaimana teknologi 5G boleh memacu penyelesaian lestari untuk cabaran nasional Malaysia.

Tan Sri Tony Fernandes akan memulakan Hari Kedua dengan ucap tama bertajuk “*From Airlines to Ecosystem*”. Panel perbincangan seterusnya mengenai Teknologi 4IR dan Kelestarian akan menawarkan peluang interaksi kepada peserta serta rangkaian yang direka untuk mendorong kerjasama merentasi sempadan.

Dalam pada masa yang sama, pelbagai acara satelit akan diadakan, termasuk **Ecosystem Builders’ Summit, Supercharger Finale, NTIS Global Sandbox Forum, dan sesi MATCH Speed Dating**. Acara-acara ini menyediakan platform bernilai bagi pencari teknologi dan penyedia penyelesaian untuk berhubung, berkongsi idea, dan bekerjasama mencipta penyelesaian inovatif.

Sidang kemuncak akan berakhir pada Hari Ketiga dengan sorotan inovasi AgriTech dan amalan lestari dalam Sains Hayat. Hari terakhir juga akan menampilkan pameran teknologi terkini, kajian kes yang menginspirasi, serta pengumuman MOA antara MRANTI dan CyberSecurity Malaysia.

YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi, dan Inovasi, menegaskan: “Sains, Teknologi, dan Inovasi memainkan peranan penting dalam membentuk masa depan yang mampan dan inklusif untuk semua, dan Malaysia bersedia untuk menerajui usaha ini menjelang Pengerusi ASEAN 2025. Platform seperti I-Nation Global Summit amat penting, kerana ia menghimpunkan inovator, penggubal dasar, dan pemimpin industri untuk mengubah penyelidikan menjadi kemajuan berimpak yang memberi manfaat kepada seluruh rantau ini.”

Membentuk Visi untuk Impak Global

Sidang Kemuncak Global I-Nation 2024 berhasrat untuk membina asas kerjasama transformatif melangkaui sempadan. Dengan menyatukan pemimpin global, inovator, dan penggubal dasar, acara ini beraspirasi untuk mencetuskan penyelesaian bagi cabaran mendesak masyarakat dan planet. Dengan tumpuan pada kemajuan lestari dan inovasi teknologi, sidang ini berharap untuk menginspirasi impak yang berkekalan serta memacu inovasi yang memberi manfaat kepada manusia dan alam sekitar.

I-Nation Global Summit 2024 dibawakan kepada anda oleh CelcomDigi, dengan sokongan daripada rakan kongsi kami yang dihormati - Astro Awani sebagai Penyiar Rasmi, serta Huawei, Tata Consultancy Services, dan Tenaga Nasional Berhad sebagai Penaja Bersama.

Bersama-sama, MRANTI dan Penaja Sidang memacu I-Nation Global Summit sebagai platform utama untuk kerjasama dan transformasi teknologi.

#TAMAT#

Disediakan oleh :

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
02 Disember 2024



BERKENAAN MALAYSIAN RESEARCH ACCELERATOR FOR TECHNOLOGY & INNOVATION(MRANTI)

Malaysian Research Accelerator for Technology & Innovation (MRANTI) adalah gabungan Technology Park Malaysia (TPM) Corporation Sdn Bhd dan Malaysian Global Innovation and Creativity Centre (MaGIC), dicetuskan sebagai agensi pusat pengkomersialan penyelidikan Malaysia yang memudahcara dan mempercepatkan pembangunan inovasi teknologi daripada idea ke impak.

MRANTI berfungsi sebagai penyambung, inkubator dan pemangkin bagi membolehkan pengkomersialan dan perkembangan idea peringkat awal hingga ke tahap entiti matang. Ia juga menawarkan capaian kepada para pendukung inovasi dan pemain industri kepada infrastruktur bersepadu bertaraf dunia, program, perkhidmatan, kerjasama dan pelbagai sumber sokongan.

MRANTI mensasarkan untuk meningkatkan saluran bekalan inovasi Malaysia, dan menghasilkan nilai R&D baharu dengan memastikan peralihan yang berkesan dalam kitaran hayat pengkomersialan. Ia juga akan menghubungkan ahli akademik dengan industri serta sektor awam untuk menyelaraskan usaha R&D yang dipacu pasaran untuk hasil berteraskan misi.

Beribupejabat di MRANTI Park, MRANTI merangkumi sebuah hab inovasi 4IR seluas 686 ekar di Kuala Lumpur, menyokong pertumbuhan kluster pembuatan pintar, bioteknologi, agrotek, bandar pintar, teknologi hijau dan kluster teknologi pembolehan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://mranti.my>

Pertanyaan Media:

MRANTI Strategic Communication

Name: Adit Rahim

Email: adit@mranti.my

Contact No: +6013-6666667

Name: Farhana Syed

Email: farhanasyed@mranti.my

Contact No: +6019-2220292